

INDAH WATER KONSORTIUM TERUS MENGORAK LANGKAH DALAM TEKNOLOGI HIJAU MELALUI PELAKSANAAN PROJEK TENAGA SOLAR

KUALA LUMPUR: Dalam meningkatkan penggunaan teknologi hijau, syarikat pembetungan nasional, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, akan melaksanakan projek pemasangan sistem tenaga solar photovoltaic (PV) di 53 aset pembetungannya, dengan jumlah penjimatan yang diunjurkan sebanyak RM20 juta bagi tempoh 15 tahun.

Kerja-kerja pemasangan sistem tenaga solar tersebut akan dilakukan secara berperingkat dan projek fasa pertama akan bermula pada bulan hadapan yang melibatkan 19 tapak Loji Rawatan Kumbahan (LRK) di seluruh negara dan akan diteruskan berikutnya bagi baki 34 tapak.

Projek fasa pertama di 19 tapak LRK dengan pemasangan solar PV berkapasiti 6,950kWp dijangka mampu menghasilkan tenaga sebanyak 8,890kWh setahun. Tenaga solar PV akan disalurkan untuk kegunaan proses rawatan IWK yang dijangka meliputi 20% daripada keperluan tenaga keseluruhan untuk 19 LRK berkaitan dengan kadar penjimatan sebanyak RM14 juta bagi tempoh 15 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam berkata, "Penggunaan tenaga elektrik adalah salah satu perbelanjaan terbesar dalam komponen operasi kami dan strategi yang telah dikenalpasti dalam usaha penjimatan adalah dengan meneroka penggunaan sumber tenaga solar pada skala besar. IWK kini bertukar daripada operasi secara konvensional kepada trend kontemporari iaitu melalui adaptasi teknologi hijau dalam usaha mengurangkan kos.

"Selepas pemasangan solar PV bagi fasa pertama ini, IWK akan terus meneroka untuk menjalin usahasama dengan pihak yang berpotensi untuk penjanaan tenaga solar PV bagi kira-kira 500 potensi asset yang bersesuaian di bawah fasa berikutnya.

"Inisiatif teknologi hijau ini akan mengurangkan jejak karbon (carbon footprint) di samping mewujudkan persekitaran lestari bagi industri rawatan air kumbahan. Inisiatif ini juga akan mengurangkan kesan kenaikan kos tenaga setiap tahun. Kenaikan bilangan LRK yang diserahkan kepada IWK telah menyaksikan peningkatan kos tenaga elektrik iaitu daripada RM22.53 juta pada tahun 2000 kepada RM256.30 juta pada tahun lepas," jelas Narendran.

Bagi fasa pertama ini, IWK telah menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga bersama MFP Solar Sdn. Bhd. (syarikat sekutu di bawah Pekat Group Berhad) dan Timeless Green Sdn. Bhd bagi pembelian tenaga solar PV.

Projek-projek tenaga solar PV adalah sebahagian daripada komitmen IWK dalam menyumbang kepada usaha pelaksanaan Pelan Tenaga Diperbaharui Malaysia (Malaysia's Renewable Energy Roadmap), khususnya apabila dunia berhadapan dengan krisis perubahan iklim dan inisiatif tenaga diperbaharui menjadi keutamaan apabila peralihan kepada sifar jejak



karbon. Keseluruhan 53 tapak projek solar PV ini dijangka menyumbang kepada pengurangan GHG sebanyak 125,000 tan CO2 setara.

IWK komited kepada Matlamat Pembangunan Mampan PBB (United Nations Sustainable Development Goals - UN SDG) menerusi amalan teknologi hijau. Loji Rawatan Air Kumbahan Serantau Pantai 2, iaitu loji bawah tanah terbesar di Asia Pasifik, adalah merupakan testimoni komitmen dan model rujukan terbaik aplikasi teknologi hijau terkini. Adaptasi teknologi hijau secara maksima dapat disaksikan melalui penggunaan panel-panel tenaga solar, tenaga daripada biogas, penuaian air hujan dan air efluen terawat sebagai sebahagian kerja-kerja proses rawatan menyumbang kepada penjimatan tahunan sebanyak RM6.5 juta.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Wan Esuriyanti Wan Ahmad** di **012-271 8095**

atau **Joseph Cheong** di **012-299 4135**

atau emel kepada esuriyanti@iwk.com.my atau josephc@iwk.com.my

Berkenaan IWK

Indah Water Konsortium Sdn Bhd ('IWK') ialah sebuah syarikat perkhidmatan pembetungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan untuk 27 juta pengguna. Tumpuan utama syarikat adalah pengendalian operasi dan penyelenggaraan 7,111 buah loji olahan awam, 20,397 km panjang rangkaian paip pembetungan bawah tanah. IWK mempunyai keupayaan modal insan dalam pelbagai bidang kepakaran teknikal, proses olahan, aset strategik, sistem dan peralatan. Kepakaran lain IWK adalah seperti perancangan dan kejuruteraan rawatan air sisa, perakuan pembangunan sistem pembetungan, proses reka bentuk, penilaian persekitaran EIA, audit teknikal, kajian bahaya dan kebolehgunaan HAZOP, khidmat runding pengurusan projek serta program kesedaran dan pendidikan awam. IWK telah menerima Anugerah Pencapaian Industri Air (Anugerah Loji Rawatan Air Sisa Terbaik) dari Persatuan Air Malaysia pada tahun 2016, memacu untuk mencapai visi kami sebagai syarikat pembetungan utama di Asia. Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.iwk.com.my.